

# Kajian jajaran MRT siap 2013

## Dua laluan baru dirahsiakan elak spekulasi hartanah

>>Oleh Syarifah Dayana Syed Bakri

dayana@hmetro.com.my

**M**ASS Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) dijangka melengkapkan kajian mengenai jajaran kedua dan ketiga bagi projek Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) Aliran Transit Massa (KVMRT) menjelang akhir 2013.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Azhar Abdul Hamid berkata, kajian gaya hidup untuk mengenal pasti maklum balas daripada orang awam mengenai projek yang dijalankan itu sedang giat dijalankan dan akan dikaji secara berperingkat.

“Kami sudah memperoleh maklum balas daripada orang awam dan hasil kajian ini akan diserahkan kepada kerajaan dan ia akan dilaksanakan secara berperingkat selepas mendapat kelulusan.

“Namun, setakat ini laluan yang terbabit untuk jajaran kedua dan ketiga belum boleh didedahkan untuk mengelakkan spekulasi permainan harga hartanah, tetapi ia hanya meliputi lokasi Greater KL,” katanya selepas



**RASMI...Syed Hamid (dua dari kiri) pada majlis prapelanaran Rail Asia 2013 di Kuala Lumpur, semalam.**

prapelanaran Rail Asia 2013 di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Tan Sri Syed Hamid Albar.

Menurutnya, jajaran kedua dan ketiga dijangka dijalankan secara serentak dengan kerja pembinaan jajaran SBK dan ia dijangka mengakibatkan berlaku pertindihan projek.

“Kerja pembinaan untuk jajaran SBK sedang giat di-

jalankan dan dijangka siap menjelang 2016 serta mula beroperasi mulai 2017. Bagi jajaran kedua dan ketiga, ia akan dilaksanakan selepas kajian selesai dan ia mungkin berjalan sama dengan projek pembinaan jajaran SBK.

“Ini mungkin mengakibatkan pertindihan pembinaan kerana kami tidak boleh menunggu sehingga pembinaan jajaran SBK selesai untuk memulakan pembinaan la-

luan kedua dan ketiga kerana ia akan menyebabkan tempoh pembinaan semakin panjang,” katanya.

Azhar berkata, semua projek pembinaan jajaran MRT akan siap sepenuhnya dan beroperasi menjelang 2020 dan dalam tempoh berkenaan perkhidmatan pengangkutan berlandaskan akan menguasai kira-kira 50 peratus daripada keseluruhan sistem pengangkutan awam di Kuala Lumpur.